



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA

# **GARIS PANDUAN PENGUNAAN LOGO RASMI JABATAN AUDIT NEGARA**

## **1. LATAR BELAKANG**

- 1.1 Jabatan Audit Negara (JAN) ada menerima permohonan penggunaan logo rasmi JAN sebagai bahan promosi bagi program dan aktiviti anjuran Sektor/JAN Negeri/Bahagian/Unit di bawah JAN, agensi kerajaan syarikat korporat, Badan Profesional dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).
- 1.2 Sehubungan dengan itu, Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi JAN ini dikeluarkan untuk rujukan dan panduan kepada Sektor/JAN Negeri/Bahagian/Unit di bawah JAN, agensi kerajaan syarikat korporat, Badan Profesional dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang ingin bekerjasama dengan JAN dalam melaksanakan semua program.

## **2. TUJUAN**

- 2.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai prosedur dan tatacara penggunaan logo rasmi JAN serta peraturan penggunaan logo yang ditetapkan kepada Sektor/JAN Negeri/Bahagian/Unit di bawah JAN, agensi kerajaan syarikat korporat, Badan Profesional dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk kelulusan penggunaan logo rasmi JAN.
- 2.2 Mewujudkan mekanisme yang sistematik bagi memproses kelulusan permohonan penggunaan logo rasmi JAN.

2.3 Garis panduan ini terpakai kepada semua Sektor/JAN Negeri/Bahagian/Unit di bawah JAN, agensi kerajaan syarikat korporat, Badan Profesional dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

### **3. OBJEKTIF**

3.1 Melindungi logo rasmi JAN daripada dieksploitasi.

3.2 Mewujudkan sistem kawalan yang berkesan ke atas penggunaan logo rasmi JAN.

3.3 Memelihara nama baik, imej, kredibiliti dan reputasi JAN melalui penggunaan logo secara sah dan bersesuaian.

### **4. KELULUSAN PENGGUNAAN LOGO JAN**

4.1 Kelulusan penggunaan logo diberikan kepada program yang tidak menyentuh sensitiviti dan keharmonian masyarakat dari segi agama, kaum, budaya serta tidak bertentangan dengan peranan dan tanggungjawab JAN.

4.2 Kelulusan penggunaan logo yang diberikan kepada agensi dan pihak luar adalah bagi apa-apa program yang mempunyai signifikan kepada JAN.

## 5. PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO

- 5.1 Surat permohonan oleh agensi dan pihak luar perlu dikemukakan kepada Unit Komunikasi Korporat (UKK) sekurang-kurangnya **30 hari bekerja berserta dokumen lengkap tertakluk kepada syarat-syarat permohonan di Perenggan 7** sebelum tarikh penggunaan logo.
- 5.2 Bagi kegunaan program rasmi JAN melibatkan kerjasama Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan, logo rasmi JAN **boleh digunakan oleh pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan atas urusan rasmi** sahaja.
- 5.3 Kelulusan penggunaan logo rasmi JAN hanya boleh diberikan oleh **Ketua Audit Negara** sahaja.
- 5.4 Keputusan permohonan penggunaan logo rasmi JAN akan dimaklumkan setelah mendapat kelulusan daripada **Ketua Audit Negara**.

## 6. REKA BENTUK, SAIZ DAN WARNA

- 6.1 Penggunaan logo JAN adalah sebagaimana reka bentuk dan warna Jata Persekutuan tanpa ada apa-apa pengubahsuaian.
- 6.2 Saiz logo dan nama JAN hendaklah bersesuaian serta tulisan di bawah logo JAN adalah digalakkan menggunakan warna hitam sahaja.

## 7. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 7.1 Pemohon adalah sebuah Kementerian/ Jabatan/ Agensi kerajaan yang diiktiraf.
- 7.2 Pemohon yang terdiri daripada pihak swasta / individu / orang perseorangan juga adalah **TIDAK LAYAK** untuk memohon.
- 7.3 Penggunaan logo rasmi JAN untuk tujuan hebahan dan publisiti program di kain rentang, gegantung, tirai latar, dinding kemasyhuran, poster, portal, media sosial dan semua bentuk promosi perlu mendapat **kelulusan Ketua Audit Negara terlebih dahulu**.
- 7.3 Pemohon perlu memaklumkan tarikh penggunaan logo iaitu tarikh mula program dan tarikh tamat program. Logo rasmi JAN hanya boleh digunakan bermula 1 minggu sebelum program bagi peringkat nasional dan 2 minggu bagi peringkat antarabangsa. Manakala penggunaan logo rasmi JAN akan tamat pada hari terakhir program yang dilaksanakan.
- 7.4 Pemohon **WAJIB** mengemukakan rekaan di kain rentang, gegantung, tirai latar, dinding kemasyhuran, poster, portal atau sebarang bentuk hebahan yang menggunakan logo rasmi JAN bersama surat permohonan untuk kelulusan.
- 7.5 Pemohon juga diwajibkan untuk mengemukakan sesalinan latar belakang/maklumat dan atur cara penuh program.

7.6 Penggunaan logo rasmi JAN pada sijil penyertaan atau sijil penghargaan atau cenderamata tertakluk kepada program dan aktiviti yang dijalankan oleh **JAN sahaja**. Bagi program yang dijalankan oleh agensi dan pihak luar, penggunaan logo di sijil penyertaan atau sijil penghargaan atau cenderamata adalah **TERTAKLUK KEPADA KELULUSAN**.

7.7 JAN berhak untuk menolak sebarang permohonan penggunaan logo rasmi JAN sekiranya didapati tidak bersesuaian dengan program atau aktiviti yang dijalankan mengikut peraturan, pekeliling dan akta yang berkuatkuasa.

7.8 JAN berhak **mengambil sebarang tindakan** terhadap mana-mana pihak yang menyalahgunakan logo rasmi JAN bagi tujuan yang dinyatakan di atas atau menggunakan logo rasmi JAN tanpa kelulusan.

## **8. SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN LOGO**

8.1 Mana-mana pihak **TIDAK DIBENARKAN** menggunakan logo rasmi JAN bagi tujuan komersial, kutipan sumbangan atau dana termasuk sebarang aktiviti yang bermotifkan keuntungan kepada pihak pemohon.

8.2 Kebenaran penggunaan logo rasmi JAN yang diberikan adalah bagi tempoh yang terhad yang dinyatakan secara bertulis – tiada kelulusan terbuka.

- 8.3 Pemohon hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan sebarang masalah atau kesulitan tidak berbangkit dalam penganjuran program setelah mendapat kelulusan menggunakan logo rasmi JAN agar tidak menjejaskan imej JAN dan negara.
- 8.4 Kelulusan penggunaan logo rasmi JAN boleh ditarik balik atau dibatalkan serta merta sekiranya pemohon menyalahgunakan logo rasmi JAN dan didapati menyalahi undang-undang atau dianggap bertentangan dan tidak konsisten dengan reputasi, imej dan matlamatnya.
- 8.5 JAN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk liabiliti, isu atau krisis yang terjadi kepada program yang dilaksanakan atau perkara-perkara lain yang berkaitan walaupun kelulusan penggunaan logo rasmi JAN telah diberikan.

## **9. PENGGUNAAN LOGO TANPA KEBENARAN**

- 9.1 JAN boleh melaporkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekiranya terdapat penyalahgunaan logo rasmi JAN atau penggunaan logo rasmi JAN tanpa kebenaran oleh mana-mana pihak.

## **10. PUNCA KUASA**

- 10.1 Punca kuasa garis panduan ini adalah tertakluk kepada :
- 10.1.1 Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2022 – Penggunaan Jata Negara.

10.1.2 Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963 [Akta 414]

10.1.3 Buku Menghormati Lambang-Lambang Kebesaran Negara.

## 11. PENGHANTARAN PERMOHONAN DAN PERTANYAAN


Permohonan penggunaan dan pertanyaan logo rasmi JAN mestilah dialamatkan dan dirujuk kepada:

Ketua Unit  
Unit Komunikasi Korporat,  
Jabatan Audit Negara,  
Aras 5, Blok F3, Kompleks F,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
Presint 1, 62000 PUTRAJAYA.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**'Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti'**




**(DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)**

**KETUA AUDIT NEGARA**

**4 OKTOBER 2024**



## CARTA ALIR PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO RASMI JAN



Lampiran A

1. LOGO RASMI JABATAN AUDIT NEGARA (BAHASA MELAYU)



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA**

2. LOGO RASMI JABATAN AUDIT NEGARA (BAHASA INGGERIS)



**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
NATIONAL AUDIT DEPARTMENT OF MALAYSIA**

### 3. KEDUDUKAN DUA (2) LOGO




### 4. CONTOH KEDUDUKAN TIGA (3) ATAU GANJIL BILANGAN



\* Susunan logo tertakluk kepada protokol negeri jika program dijalankan di Negeri.

### 5. CONTOH LOGO JAN PADA KAIN RENTANG



## 6. CONTOH LOGO JAN PADA GEGANTUNG

